

Beritahu jika nak bermusafir

Doa keluarga, sahabat mudah dimakbul

Siver 7/1/13 MS27.

SOALAN

"Boleh terangkan secara umum bagaimana seharusnya kita bermusafir agar perjalanan tersebut mendapat keberkatan daripada ALLAH SWT?"

Jawapan

Dalam Islam, perjalanan dikenali sebagai *rihlah* yang berasal daripada akar kata bahasa Arab *irtihal*. Ia bermaksud 'berpindah dari satu tempat ke tempat lain atas tujuan tertentu'. Pergerakan yang dilakukan selama *rihlah* dinamakan pula sebagai *safar* atau musafir.

Saranan dalam perjalanan

• Memohon pertolongan ALLAH SWT

Amalan terbaik musafir adalah memohon pertolongan ALLAH SWT agar teguh hati dan sabar menghadapi kesulitan. Selain itu, ada ulama menyarankan agar meminta orang soleh mendoakan. Boleh juga diadakan solat hajat dengan menjemput ulama atau orang alim agar mendoakan keselamatan.

• Ikhlas

Jika melakukan perjalanan dengan perasaan riyak dan mengharapkan pujian orang kononnya boleh pergi ke mana sahaja, kita tidak memperoleh keberkatan dan petunjuk ALLAH SWT.

• Berakhlak mulia sepanjang perjalanan



Pada zaman dahulu, kaum salaf merupakan kelompok yang terkenal dengan kebiasaan melakukan *rihlah* atau perjalanan mulia. Bagi menggalakkan umat Islam melakukannya, Imam Syafie turut memberi motivasi agar kita rihlah melalui sebuah syair beliau yang terkenal iaitu:

"Bersafarlah, nescaya kan kau dapatkan ganti orang yang kau tinggalkan, dan berbekallah kerana nikmatian hidup kan didapati dalam kelelahan.

Aku lihat air yang beku berubah menjadi busuk,

jika ia bergerak, tentu akan baik rasa dan rupanya.

Harimau jika tidak meninggalkan sarangnya tentu tak akan memangsa,

Dan anak panah jika tidak meninggalkan busur tak akan mengenai sasarannya,

Serbuk emas itu ketika masih di tempatnya, sama dengan tanah,

Dan kayu gaharu di negeri asalnya sama dengan kayu bakar."

Syarat perjalanan dalam Islam

• Mencari keredaan ALLAH SWT

ALLAH SWT menyuruh umat Islam agar bermusafir di bumi-NYA yang luas. Suruhan ini diperkuatkan dengan janji keberkatan dan kemanfaatan kepada yang melaksanakannya. Malah, sesetengah perjalanan sangat dituntut seperti melakukan ibadat haji dan umrah di Mekah.

• Memaklumkan ahli keluarga

Jika hendak melakukan perjalanan, temui para sahabat dan ahli keluarga. Sunat bagi ahli keluarga atau sahabat mendoakan kita agar ditambahkan ketakwaan, diampuni dosa serta mendapat kebaikan di mana sahaja berada.

Tawaduk penting seperti menundukkan pandangan, merendahkan suara, merendah diri sesama manusia dan bersikap tenang dalam setiap keadaan.

Firman ALLAH SWT yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu memalingkan muka mu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah kamu berjalan di bumi dengan berlagak sombong; Sesungguhnya ALLAH tidak suka kepada setiap orang yang sombong takbur lagi membanggakan diri. Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan. Juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata). Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai."* (Surah Luqman : 18-19)

• Tiada unsur maksiat

Maksiat menjejaskan matlamat perjalanan dan tidak mendapat keberkatan daripada-NYA. Contohnya mahu melihat penggambaran filem barat atau menyaksikan acara perjudian antarabangsa.

Syarat-syarat khusus

Memandangkan tempoh perjalanan mengambil masa panjang dan jauh jaraknya, beberapa persiapan penting mesti dilakukan. Antaranya:

• Perbelanjaan yang cukup

Merangkumi biaya makan minum, penginapan, pengangkutan dan sebagainya. Firman ALLAH SWT: *"Sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (daripada keaiban meminta sedekah); dan bertakwalah kepada-KU wahai orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)." (Surah Al-Baqarah : 197)*

• Pengetahuan umum

Mempelajari hal-hal yang boleh membantu memudahkan perjalanan seperti mengenali serba sedikit tempat dituju dan

orang yang dapat dihubungi. Demikian juga bahasa penduduk, adab-adab serta budaya hidup setempat.

• Persiapan perubatan

Jika ada sebarang penyakit, maka penajaan kesihatan yang teratur perlu dilakukan agar tidak menjejaskan perjalanan.

Adab perjalanan

• Mengembalikan hak orang lain

Terlebih dahulu mengembalikan hak atau barang yang bukan milik kita, membayar hutang-piutang serta menyediakan belanja untuk bekalan diri, ahli keluarga dan orang yang menjadi tanggungan.

• Memilih rakan yang baik

Sebaik-baiknya cari teman untuk menemani. Harus orang yang lebih tua, soleh dan baik akhlaknya sebagai pemimpin serta boleh membantu melaksanakan ajaran agama. Rakan ini juga penting agar sentiasa mengingatkan kita tujuan asal musafir.

• Temui sahabat sebelum berangkat

Terlebih dahulu menemui para sahabat dan ahli keluarga serta memohon agar didoakan keselamatan dan keberkatan kepada ALLAH SWT sepanjang ketiadaan. Doa mereka ini dijamin makbulnya.

• Melakukan solat istikharah

Sunat melakukan solat istikharah pada malam harinya. Ia bertujuan mendapatkan petunjuk ALLAH SWT agar tercapai hajat yang baik. Sebaik-baiknya disusuli dengan solat sunat musafir.

• Membaca doa perjalanan

Apabila telah sampai di pintu rumah, maka sunat membaca doa musafir. Apabila

hendak menaiki kenderaan, bacalah doa menaiki kenderaan. Doa ini dihajatkan kepada ALLAH SWT agar perjalanan selamat daripada sebarang malapetaka.

• Sunat berjalan waktu pagi

Menurut kebanyakan ulama juga, apabila ingin memulakan perjalanan maka hari terbaik adalah Isnin dan Khamis.

• Jangan berhenti kecuali panas

Sunat hukumnya tidak berhenti perjalanan kecuali jika matahari sudah terasa panas. Oleh itu, sunat melakukan perjalanan pada waktu malam supaya dapat me-rehatkan minda dan penglihatan.

• Menjaga solat secara berjemaah

Dianjurkan mengerjakan solat fardu secara jamak atau qasar apabila cukup syarat agar dapat memperlihatkan kesatuan dalam Islam. Juga melambangkan bahawa Islam itu indah dan mudah diamalkan.

• Menjauhi perkara haram

Antara larangan semasa bermusafir ialah meninggalkan solat, prasangka antara sesama ahli, pergaulan bebas dengan jemaah wanita serta tidak menjaga aurat dan kehormatan diri.



Dipetik daripada buku **MENCARI KEBERKATAN DALAM PERJALANAN** tulisan HJH. SITI ZAIMAH AB RAHMAN & DRS. HJ. HANAFI MOHAMED terbitan KARYA BESTARI